



PEMBELAJARAN PERIBADI MURID TINGKATAN EMPAT DALAM MENGHADAPI UJIAN TILAWAH, HAFAZAN AL- QURAN DAN BACAAN HADIS (UTQH)

PERSONALIZED LEARNING OF FORM FOUR STUDENTS IN FACING THE TILAWAH, QUR'AN MEMORIZATION, AND HADITH RECITATION TEST (UTQH)

Siti Zafirah Ripin¹ & Hafizhah Zulkifli¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abstrak

Murid-murid Tingkatan Empat merupakan golongan yang paling sesuai diberikan pendedahan awal untuk mempersiapkan diri menghadapi Ujian Tilawah, Hafazan al-Quran, dan bacaan hadis (UTQH) sebagai persediaan melengkapkan keperluan kertas peperiksaan Pendidikan Islam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penulisan ini bertujuan menjelaskan kaedah pembelajaran peribadi murid sebagai persiapan menghadapi peperiksaan UTQH untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam SPM. Kajian dibuat dengan reka bentuk kuantitatif, menggunakan instrumen soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Objektif penulisan ini adalah untuk mengenal pasti kaedah pembelajaran peribadi murid dalam pelbagai dimensi pembelajaran peribadi, termasuk pembelajaran menggunakan bahan rutin, bahan sampingan, teknologi, pemantapan kemahiran sendiri, serta pengulangan dan penilaian berterusan. Selain mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran peribadi dan mengetahui strategi pembelajaran peribadi yang paling berkesan dalam persediaan menghadapi UTQH. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan murid menunjukkan kecenderungan yang tinggi dalam pembelajaran menggunakan bahan rutin, bahan sampingan, teknologi, serta melalui pengulangan dan penilaian berterusan. Namun begitu, tahap kemahiran sendiri murid didapati memerlukan perhatian dan usaha penambahbaikan dalam aspek ini. Kaedah pembelajaran peribadi diharapkan dapat membantu mencapai matlamat pendidikan Islam yang holistik, melahirkan generasi pelajar yang bukan sahaja mahir dalam ilmu agama tetapi juga berakhlak mulia dan berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam.

Kata kunci: UTQH, SPM, pembelajaran peribadi, Pendidikan Islam

Abstract

Form four students are the most suitable group to be given early exposure to

Perkembangan Artikel

Diterima: 28 Mac 2025

Disemak: 7 April 2025

Diterbit: 28 April 2025

*Corresponding Author: Siti
Zafirah Ripin, Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Email: [g-80426199@moe-
dl.edu.my](mailto:g-80426199@moe-dl.edu.my)

prepare themselves for the Ujian Tilawah, Hafazan al-Quran dan Bacaan Hadis (UTQH) as part of fulfilling the requirements for the Islamic Education paper in the Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) examination. This study aims to explain students' personal learning methods as preparation for facing the UTQH examination to achieve excellent results in their SPM. The study adopts a quantitative design, using a questionnaire as the data collection instrument. The objective of this paper is to identify students' learning methods across various dimensions of personal learning, including learning using routine materials, supplementary materials, technology, self-skills enhancement, as well as repetition and continuous assessment. The findings indicate that most students demonstrate high performance in learning using routine materials, supplementary materials, and technology, as well as through repetition and continuous assessment. However, students' self-skills enhancement was found to be need for more attention and improvement in this area. Personal learning methods are hoped to contribute towards achieving the holistic goals of Islamic education, producing a generation of students who are not only proficient in religious knowledge but also possess noble character and firmly uphold Islamic values.

Keywords: *UTQH, SPM, personal learning, Islamic education*

PENGENALAN

Pendidikan Islam adalah landasan penting dalam pembentukan akhlak dan kefahaman agama bagi pelajar Tingkatan Empat. Atas dasar usaha memperkukuhkan pemahaman dan amalan agama, Ujian Tilawah, Hafazan al-Quran, dan Bacaan Hadis (UTQH) menjadi aspek penting dalam kurikulum. Kertas konsep ini, mengupas konsep Pembelajaran Peribadi bagi murid Tingkatan Empat dalam menghadapi UTQH. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada keperluan individu, memberi ruang untuk memahami, menghafal, dan mengamalkan ajaran al-Quran serta Hadis secara lebih efektif.

Menurut Masrurotul Mahmudah et al. (2022) pembelajaran peribadi merupakan satu pendekatan yang menonjolkan kebolehan pelbagai setiap murid. Tidak dapat dinafikan perbezaan tahap kefahaman, kemahiran, dan minat membolehkan setiap murid berkembang mengikut keupayaan masing-masing. Kertas konsep ini akan meninjau definisi pembelajaran peribadi dalam konteks pendidikan Islam kemudian menjelaskan kepentingannya dalam mempersiapkan murid untuk menghadapi UTQH. Selain itu, permasalahan yang dihadapi oleh murid-murid turut dijelaskan sekali gus mencadangkan penyelesaian yang sesuai untuk memastikan setiap murid dapat mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Seterusnya, berdasarkan modul format pelaksanaan UTQH terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu tilawah al-Quran yang memerlukan murid-murid diuji dalam bacaan al-Quran dengan tajwid yang betul dan kefasihaan bacaan mereka. Mereka akan diminta membaca beberapa ayat dari surah tertentu yang ditetapkan oleh pengawas yang menilai mengikut set soalan yang telah digubal oleh lembaga peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Seterusnya, mengikut modul format yang telah ditetapkan, murid perlu menghafaz dan membaca semula ayat-ayat al-Quran yang telah dihafal di hadapan penilai. Ayat-ayat yang diuji biasanya merangkumi surah-surah tertentu yang telah diberitahu sebelumnya tetapi bergantung kepada set soalan yang dipilih secara rawak oleh calon peperiksaan.

Penilaian UTQH merangkumi aspek penting seperti pematuhan hukum tajwid, sebutan makhraj

huruf, serta bacaan yang fasih dan tartil. Antara hukum tajwid yang dinilai termasuk hukum Nun Sakinah dan Tanwin, Izhar, Ikhfa', Idgham, Iqlab, serta ketepatan mad dan qalqalah. Makhraj huruf merujuk kepada ketepatan tempat keluar sebutan huruf, yang sangat penting untuk kejelasan bacaan. Selain itu, fasahah atau kelancaran bacaan juga menjadi kriteria utama, termasuk penghayatan terhadap bacaan untuk menilai kefahaman murid terhadap ayat yang dibaca. Bacaan yang tartil dan tidak tergesa-gesa serta bebas daripada kesalahan ulangan turut diambil kira dalam penilaian.

Penyediaan landasan pembelajaran yang sesuai dengan keperluan individu, seperti pembelajaran peribadi diharapkan dapat membantu mempersiapkan murid-murid menghadapi peperiksaan SPM yang sebenar, dan dalam masa yang sama mengukuhkan keimanan dan akhlak yang mulia dalam kalangan pelajar Tingkatan Empat sesuai dengan ajaran al-Quran dan hadis.

TUJUAN

Penulisan ini bertujuan untuk mengetahui kaedah pembelajaran yang diamalkan oleh murid dalam membuat persediaan menghadapi peperiksaan UTQH bagi mengenal pasti strategi pembelajaran peribadi yang berkualiti bagi menjamin kecemerlangan pencapaian akademik murid.

PERNYATAAN MASALAH

Menguasai bacaan al-Quran adalah salah satu elemen penting dalam pengajian ilmu agama Islam. Hal ini termasuklah memerlukan penuntut ilmu Pendidikan Islam tidak asing dengan tulisan bahasa Arab. Julhadi et al. (2022) menyebut hal ini menjadi cabaran kepada pengaplikasian ilmu Pendidikan Islam secara menyeluruh apabila terdapat murid yang tidak mampu membaca al-Quran sama ada disebabkan oleh, buta huruf hijaiyah secara langsung atau tidak lancar membaca ayat-ayat al-Quran. Berdasarkan tinjauan literatur daripada kajian-kajian lepas, terdapat beberapa masalah yang dihadapi untuk mencapai matlamat murid celik al-Quran terutamanya melalui medium Pendidikan Islam di sekolah.

Kajian oleh Gomez Per-Henrik, Valo Anil dan Delic Maria (2023) terdapat murid tidak menguasai bacaan al-Quran dan tulisan Arab. Tidak dinafikan ramai dalam kalangan murid sekolah yang menghadapi kesukaran membaca al-Quran dan tulisan Arab sesuai dengan kajian oleh Masrurotul Mahmudah et al. (2022), hal ini disebabkan oleh faktor yang pelbagai seperti tidak mendapat pendedahan dan didikan awal mengenai ilmu al-Quran sejak dari kecil. Perkara ini hakikatnya menjadi cabaran yang besar kepada pendidikan Islam mengikut perkembangan pendidikan dari sekolah rendah sehingga sekolah menengah. Secara realitinya, al-Quran adalah kitab Allah SWT yang diturunkan kepada umat manusia sebagai panduan hidup. Azarul Razamin Bin Mat Said et al. (2023) menjelaskan membaca al-Quran yang ditulis dalam bahasa Arab sememangnya tidak difahami oleh semua orang yang tidak bercakap menggunakan bahasa tersebut dalam kehidupan seharian, seperti di Malaysia. Namun, keperluan untuk menguasai bacaan al-Quran menjadi salah satu kemestian dalam diri seorang muslim untuk lebih menghayati dan memahami isi kandungan al-Quran.

Seterusnya, menurut kajian Masrurotul Mahmudah et al. (2022) menyatakan murid-murid kurang kesedaran mengenai kepentingan mempelajari al-Quran. Hal ini terjadi kerana beberapa sebab yang dihadirkan oleh cara seseorang itu dibesarkan dalam era kamajuan kini. Hal ini disokong oleh

Julhadi et al. (2022) yang menyatakan menitikberatkan ilmu agama tidak menjadi keutamaan dalam penyediaan pendidikan kerana, menganggap ilmu agama tidak mendatangkan keuntungan dalam hidup. Disebabkan oleh tanggapan seperti itu, ibu bapa tidak memberi didikan agama yang secukupnya kepada anak-anak dan akhirnya, anak-anak sendiri tidak akan memandang ilmu agama sebagai sesuatu yang penting.

Nurwardatun Mohamed Razali et al. (2023) menyatakan perkara ini memberi kesan yang sangat besar kepada guru-guru Pendidikan Islam di sekolah kerana perlu bertungkus-lumus memurnikan semula perspektif anak-anak muda ini untuk kembali kepada fitrah dan hakikat mempelajari ilmu agama akan membantu dalam membentuk peribadi yangunggu, untuk mendepani cabaran kehidupan di masa hadapan. Seterusnya, menurut Yasser El Geddawy et al. (2022), anak-anak zaman sekarang juga mudah hanyut dengan peredaran dunia digital dan teknologi hiburan yang mengganggu tumpuan mereka untuk menghayati agama sendiri. Hal ini diibaratkan sebagai candu dalam dunia moden yang menggugat nilai dalam diri seseorang daripada menyemai ilmu agama melalui kemahiran membaca al-Quran.

Selain itu, Nasrin Muhammadu Ibrahim et al. (2021) menjelaskan dalam kajiannya murid tidak minat dan sukar menghafal ayat-ayat al-Quran. Perkara ini berkaitan dengan pengaruh media hiburan yang semakin rancak mengambil tempat dalam rutih kehidupan seseorang tanpa mengira umur dan lapisan masyarakat, termasuklah murid-murid sekolah. Kajian oleh Nurwardatun Mohamed Razali et al. (2023) menjadi cabaran yang besar untuk diharungi kerana hiburan dan keseronokan dalam hidup tidak dapat ditandingi dengan pengajian ilmu al-Quran. Manusia sangat sukakan keseronokan dan perkara ini jika tidak dikawal akan melalaikan seseorang daripada menunaikan tanggungjawabnya sebagai seorang khalifah di muka bumi Allah SWT.

Menurut Angela Partington Kingston (2020), bertitik tolak daripada hakikat hampir semua golongan manusia mempunyai akaun di media sosial untuk mendapatkan hiburan yang diinginkan, maka hal ini turut mendorong kepada tanggapan mempelajari al-Quran tidak lagi relevan dalam kehidupan kerana tidak memberi impak dalam karier seseorang murid di masa hadapan. Sudut pandang seperti ini sungguh membimbangkan kerana menunjukkan bibit-bibit pengaruh pemahaman sekular semakin ketara. Jika perkara ini tidak dibendung, maka lahirlah generasi yang hidup berorientasikan keuntungan duniawi semata-mata tanpa mengambil kira kepentingan pendidikan agama dalam hidup.

Di samping itu, permasalahan yang terdapat dalam kajian ini menyentuh keberkesanan UTQH dalam sistem peperiksaan kerana melibatkan ketelusan guru semasa membuat penilaian murid. Pelaksanaan UTQH adalah dinilai oleh guru yang mengajar dan hal ini boleh menimbulkan isu berat sebelah ketika memberi markah kerana secara semula jadi, seperti yang disebut dalam kajian oleh Azarul Razamin Bin Mat Said et al. (2023) guru-guru akan cenderung untuk membantu murid-murid mendapatkan markah yang baik bagi melonjakkan prestasi matapelajaran di sekolah. Julhadi et al. (2022) penilaian yang tidak telus boleh mengundang persepsi negatif seperti diskriminasi dalam pemberian markah penilaian. Perkara ini perlu diambil berat kerana melibatkan hak dan keadilan murid-murid mendapatkan markah yang selayaknya ketika penilaian UTQH dijalankan.

Tambahan pula, sekiranya guru-guru mengabaikan kejujuran dalam membuat penilaian maka persekitaran seperti yang disebut dalam kajian Nurwardatun Mohamed Razali et al. (2023) pembelajaran akan tercemar dan boleh merosakkan imej guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam.

Justeru, penilaian yang telus perlu dilakukan dengan sebaiknya bagi membolehkan bimbingan kepada pelajar dapat diberikan dengan jelas iaitu, mengenai keperluan dan kepentingan mempelajari ilmu al-Quran, bukan hanya untuk mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan tapi juga merupakan proses membina sahsiah terpuji dalam diri murid-murid.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama yang hendak dicapai dalam kertas konsep ini adalah untuk menjelaskan kaedah pembelajaran peribadi murid untuk mempersiapkan diri mendepani peperiksaan UTQH. Selain itu, mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran peribadi murid dan mengetahui strategi pembelajaran peribadi yang paling berkesan dalam persediaan menghadapi UTQH agar dapat meningkatkan prestasi akademik dalam kalangan murid.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian dapat dinyatakan persoalan kajian yang timbul adalah apakah kaedah pembelajaran peribadi yang digunakan oleh murid-murid sebagai persediaan menghadapi UTQH?. Selain itu, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran peribadi murid?. Akhir sekali, apakah strategi pembelajaran peribadi yang paling berkesan dalam persediaan menghadapi UTQH dalam kalangan murid Tingkatan Empat.


METODOLOGI

Penulisan ini dijalankan dengan menggunakan metodologi kajian tinjauan sebagai kajian kuantitatif yang sering digunakan dalam bidang Sains Sosial. Kaedah tinjauan ini biasanya dijalankan untuk melihat pendapat orang ramai secara rawak atau tidak mengenai sesuatu isu yang berlaku dalam sekitar kajian. Oleh itu, maklumat untuk melengkapkan kajian ini lebih mudah diperolehi dengan menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif melalui edaran soal selidik kepada kumpulan responden iaitu murid-murid Tingkatan Empat di sebuah daerah yang terletak di negeri Sabah. Data-data yang diperolehi kemudiannya dianalisis dan diterjemahkan melalui statistik dan ujian signifikan. Populasi kajian ini ialah murid-murid Tingkatan Empat di sekolah menengah dalam sebuah daerah di negeri Sabah yang sepenuhnya di bawah kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Populasi yang ditentukan untuk kajian ini diandaikan dapat menilai usaha melakukan pembelajaran sendiri dalam mengulang kaji ayat-ayat tilawah, hafazan dan hadis-hadis yang akan disoal dalam UTQH sebenar.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik yang juga digunakan dalam kajian lepas kemudian diubah suai bagi memenuhi objektif kajian. Sukor Beram et al. (2020) menerangkan bahawa instrumen ialah bahan yang digunakan untuk mendapatkan maklumat, mengukur dan mengkaji sesuatu perkara. Soal selidik ini dibina berdasarkan rujukan ke atas beberapa kajian yang lebih kurang sama dijalankan terhadap pembelajaran dan pengajaran al-Quran dalam Pendidikan Islam sekolah menengah yang dijalankan oleh Abdullah et al. (2021). Sungguhpun demikian, soal selidik ini telah diubah suai mengikut objektif kajian dan hal ini juga menjadi data sokongan untuk menjawab

persoalan kajian. Item soal selidik kaedah bagi pembelajaran murid diarahkan kepada kaedah pembelajaran peribadi murid dalam bidang al-Quran dan Hadis sebagai persediaan untuk menghadapi peperiksaan UTQH.

KERANGKA KONSEPTUAL



Rajah 1.0 Pembelajaran peribadi murid sebagai persediaan menghadapi UTQH.

Menurut Gerrit van der Walddt (2020), proses pembelajaran dalam kalangan murid tidak terikat semasa berada bersama guru dalam bilik darjah semata-mata namun, murid-murid boleh membuat atau mencari bahan pembelajaran peribadi sendiri dengan pelbagai cara untuk membudayakan ilmu dalam kehidupan seharian. Menjadi kebiasaan murid-murid akan mengulang kaji pelajaran sekiranya peperiksaan semakin hampir dan hal ini tidak membezakan sedikit pun dengan peperiksaan UTQH dalam Pendidikan Islam. Kajian oleh Yasser El Geddawy et al. (2022) menyatakan kaedah pembelajaran peribadi murid menjadi lebih berkesan kerana murid-murid sendiri yang akan menyesuaikan kaedah tertentu yang menepati cara mereka dalam mengulang kaji pelajaran.

Bagi peperiksaan UTQH, terdapat beberapa kaedah pembelajaran peribadi yang boleh amalkan oleh murid-murid sebagai persediaan mereka menghadapi peperiksaan yang sebenar. Antaranya, Julhadi et al. (2022) menggunakan bahan rutin dalam sesi pembelajaran seperti buku teks atau aktiviti membuat latihan berjadual. Selain itu, pembelajaran menggunakan bahan sampingan iaitu menggunakan bahan tambahan seperti membuat nota ringkas atau menggunakan teknologi dengan mencari bahan-bahan pembelajaran di internet. Seterusnya, pemantapan kemahiran sendiri iaitu usaha murid itu sendiri untuk memastikan mereka sentiasa bermotivasi untuk terus gigih belajar. Di samping itu, kajian oleh Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Norhisham Mohamad (2022) menjelaskan pengulangan dan penilaian berterusan juga membolehkan murid-murid mengingat perkara-perkara yang dipelajari. Kaedah ini sangat penting dalam menghadapi UTQH kerana memerlukan hafalan dan kelancaran bacaan ayat-ayat al-Quran dan tulisan dalam bahasa Arab.

Ujian Tilawah, Hafazan al-Quran dan Bacaan Hadis (UTQH) telah mula dimasukkan dalam

peperiksaan SPM Pendidikan Islam pada tahun 2021 seperti yang dinyatakan dalam surat pekeliling ikhtisas yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Perkara ini telah mengubah format peperiksaan bagi kertas kod 1223 Pendidikan Islam menjadi dua iaitu, kertas satu (1223/1) merupakan kertas peperiksaan bertulis dan kertas dua (1223/2) yang dinamakan sebagai ujian tilawah, hafazan al-Quran dan bacaan hadis (UTQH) yang menguji bacaan al-Quran, hafazan dan bacaan hadis murid-murid Tingkatan Lima yang akan menduduki peperiksaan SPM.

Pelaksanaan UTQH ini dibuat sebelum tarikh peperiksaan bertulis SPM yang sebenar. Tarikh pelaksanaan ini biasanya dibuat beberapa bulan lebih awal sebelum SPM sebenar bergantung kepada tarikh dan arahan daripada lembaga peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. UTQH juga adalah satu penilaian individu yang memerlukan pengawas peperiksaan yang juga merupakan guru Pendidikan Islam disekolah tersebut mendengar setiap bacaan murid kemudian, memberi markah berdasarkan borang instrumen pemarkahan yang telah ditetapkan. Peperiksaan UTQH juga dibuat disekolah masing-masing dengan peraturan-peraturan tertentu yang perlu dipatuhi dengan sebaik mungkin.

Ujian ini memerlukan murid-murid membuat persediaan rapi sebelum menghadapi peperiksaan UTQH. Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Norhisham Mohamad (2022), persediaan yang dibuat mestilah mengambil kira komponen penilaian yang akan diberi markah iaitu bacaan tilawah al-Quran, hafazan ayat-ayat al-Quran yang tertentu dan membaca hadis yang ditetapkan. Setiap bahagian yang dinilai perlu memenuhi kriteria pemarkahan dalam borang instrumen yang dipegang oleh pengawas peperiksaan yang menilai seperti yang dijelaskan dalam buku format pentaksiran peperiksaan SPM. Setiap bahagian mempunyai komponen pemarkahan yang berlainan sebagai contoh, bagi tilawah al-Quran, pemarkahan dibuat dengan mengambil kira kefasihan bacaan, menepati hukum tajwid dengan sempurna dan sebutan bagi setiap huruf dalam bacaan mesti jelas.

KAJIAN LEPAS

Kaedah Pembelajaran Murid : Pembelajaran Menggunakan Bahan Rutin

Menurut Angela Partington Kingston (2020), pembelajaran menggunakan bahan rutin berkait rapat dengan sumber rujukan asas bagi murid-murid dan bahan tersebut dibekalkan kepada semua murid-murid tanpa sebarang diskriminasi seperti buku teks, modul latihan yang disediakan guru, buku tulis, lembaran kerja dan bahan nota yang diberikan oleh guru di dalam kelas. Azarul Razamin Bin Mat Said et al. (2023) bahan rutin ini menjadi asas bagi membolehkan murid-murid membuat ulang kaji. Bagi menghadapi peperiksaan UTQH, kaedah ini sangat penting kerana menunjukkan usaha murid-murid menggunakan bahan yang disediakan dengan semaksimum yang mungkin. Ayat-ayat tilawah dan hafazan serta hadis yang disoal dalam peperiksaan UTQH adalah ayat-ayat yang terdapat dalam buku teks maka, murid-murid hanya perlu membuka bahan rutin yang dibekalkan untuk membuat ulang kaji hafalan dan bacaan sehingga lancar.

Pembelajaran Menggunakan Bahan Sampingan

Menurut Elisabeth Fischer dan Martin Hänze (2019) bahan pembelajaran sampingan merujuk kepada sumber selain daripada buku teks dan bahan-bahan daripada guru. Sebagai contoh, membuat carian artikel, merujuk filem yang berkaitan dan mendengar sebarang bahan audio pembelajaran. Perkara ini besesuaian dengan kaedah mengulang kaji untuk persediaan UTQH kerana murid-murid dapat memaksimumkan semua jenis bahan yang ada untuk membolehkan mereka membaca dan menghafal ayat-ayat al-Quran yang dikehendaki dalam peperiksaan UTQH.

Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Norhisham Mohamad (2022), antara perkara yang boleh dilakukan oleh murid-murid adalah, mencari bacaan ayat al-Quran oleh imam-imam terkemuka dan mengulang dengar bacaan tersebut sehingga mereka mampu menghafal dengan fasih ayat-ayat yang dikehendaki. Perkara ini adalah untuk meningkatkan pemahaman dalam sesuatu tajuk pelajaran. Menurut Gomez Per-Henrik, Valo Anil dan Delic Maria (2023) kaedah ini dinamakan sebagai bahan sekunder iaitu bahan tambahan selepas bahan sedia ada untuk meluaskan lagi pengetahuan.

Perkara ini berkaitan dengan kajian oleh Yasser El Geddawy et al. (2022) pendekatan ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai perspektif yang berlainan dan membolehkan mereka meneroka ilmu-ilmu baharu sekali gus, membuka minda mereka untuk memperoleh pemahaman yang lebih baik untuk mengasah pemikiran yang lebih kritis. Kaedah ini menjadikan pengalaman belajar yang lebih menyeronokkan kerana murid-murid dapat mengaitkan peristiwa semasa dan membina pemahaman yang lebih komprehensif tentang sesuatu perkara melalui dapatan daripada pelbagai sumber.

Pembelajaran Menggunakan Teknologi

Nasrin Muhammad Ibrahim et al. (2021) penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah merujuk kepada sumber dari platform digital untuk menambah baik dan memudahkan proses pembelajaran. Sungguhpun UTQH adalah melibatkan bacaan al-Quran dan hadis, namun tidak menjadi penghalang untuk murid-murid memanfaatkan teknologi yang ada untuk memantapkan ilmu bacaan al-Quran dan hadis. Teknologi telah menjadi pemudah cara yang terbaik untuk murid-murid melakukan pembelajaran peribadi kerana sebarang persoalan boleh dirungakai semudah satu sentuhan pada skrin di hujung jari.

Kajian oleh Angela Partington Kingston (2020) menyatakan kepelbagaian bahan bantu dalam pelajaran seperti aplikasi pendidikan yang interaktif dan sebarang kursus dalam talian menunjukkan persekitaran pembelajaran kini adalah lebih fleksibel dan sentiasa berkembang sesuai dengan kemajuan teknologi. Kajian oleh Elisabeth Fischer dan Martin Hänze (2019) menyebut melalui elemen interaktif dan maklumat multimedia dapat menggalakkan penglibatan dengan murid-murid dalam sesi pembelajaran yang lebih maju ke hadapan. Teknologi juga memudahkan guru dan pelajar untuk bekerjasama dan berkomunikasi sekali gus, memupuk persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan positif.

Pemantapan Kemahiran Kendiri

Menurut Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Norhisham Mohamad (2022) dalam meningkatkan hafalan ayat al-Quran, seseorang itu perlu menyusun teknik yang paling

sesuai dengan dirinya. Antara proses awal dalam usaha menghafal ayat al-Quran adalah sasaran yang boleh dicapai, seperti menghafal sejumlah ayat setiap hari atau setiap minggu. Menurut Nasrin Muhammad Ibrahim et al. (2021), amalan yang berterusan adalah sangat penting agar ayat yang dihafal tidak mudah luntur dari ingatan. Selain itu, murid-murid boleh menggunakan strategi seperti menulis ayat, mendengar bacaan, dan pengulangan. Murid-murid boleh membuat ulang kaji bacaan ayat tilawah dan hafazan al-Quran serta bacaan hadis dengan pelbagai cara yang dianggap berkesan mengikut kesesuaian diri masing-masing.

Pengulangan dan Penilaian Berterusan

Kajian oleh Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Norhisham Mohamad (2022) menghafal al-Quran dengan berkesan memerlukan pengulangan dan penilaian berterusan. Pengulangan memerlukan seseorang menyebut baris dengan kuat beberapa kali, untuk menjaga panjang dan pendek bacaan serta membantu mengukuhkan bacaan dalam ingatan.

Hal ini boleh dicapai dengan membaca ayat hafazan setiap hari dan menggunakan strategi seperti mendengar bacaan yang dirakam dan mengikut bacaan tersebut. Peningkatan dalam hafalan mungkin tidak akan berlaku dengan cepat sebaliknya, dengan cara sedikit demi sedikit tetapi dilakukan dengan berterusan. Menurut Masrurotul Mahmudah et al. (2022), murid-murid boleh memecahkan ayat al-Quran kepada bahagian yang mudah dihadap dan menyemak semula bahagian tertentu secara berkala. Justeru, pengulangan sangat bermanfaat untuk memperbaiki bacaan dengan tajwid yang betul sekali gus dapat membaca ayat al-Quran dengan lancar.

DAPATAN KAJIAN

Kaedah pembelajaran peribadi yang digunakan oleh murid-murid sebagai persediaan menghadapi UTQH.

Kajian menunjukkan majoriti murid memilih bahan yang sudah disediakan oleh pihak sekolah kerana dianggap lebih tepat dengan keperluan peperiksaan. Namun tidak menafikan mendapat bantuan dari bahan-bahan sampingan yang lain sesuai dengan pandangan Nur Adibah Liyana & Hafizhah (2021) yang menyatakan murid-murid yang menggunakan bahan digital dan sampingan menunjukkan prestasi lebih baik berbanding mereka yang hanya bergantung pada bahan rutin. Oleh itu, murid menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran peribadi sebagai persediaan menghadapi UTQH. Kajian juga mendapati murid yang mengakses aplikasi digital dapat menguasai bacaan dengan lebih cepat kerana alat tersebut menyediakan ciri interaktif seperti audio dan pengulangan bacaan ayat hafazan. Bahan rutin seperti buku teks dan lembaran kerja adalah pilihan utama kerana mudah diakses dan disediakan oleh guru. Selain itu, aplikasi digital seperti Muslim Pro dan video bacaan Qari terkenal digunakan oleh murid untuk meningkatkan kelancaran bacaan seperti yang dicadangkan oleh Nasrin Muhammad Ibrahim et al. (2021).

Sebaliknya, murid yang hanya menggunakan bahan rutin sering menghadapi kesukaran mengingat dan menghafal ayat kerana pendekatan yang digunakan kurang menarik jika dibandingkan bahan sampingan yang lain. Murid yang menggunakan bahan digital dan sampingan menunjukkan prestasi lebih baik berbanding mereka yang hanya bergantung pada bahan rutin. Kajian oleh Mohd Maziz al-Hadi Moharam (2021) mendapati bahawa penggunaan aplikasi seperti Muslim Pro memberikan kelebihan kepada murid kerana ia menyediakan pengalaman interaktif yang memudahkan pembelajaran tajwid dan hafazan. Sebaliknya, murid yang hanya bergantung pada bahan rutin seperti buku teks, seperti yang dinyatakan oleh Abdul Rahim et al. (2021), sering menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap kefahaman yang mendalam kerana pendekatan ini lebih pasif dan kurang fleksibel.

Tambahan pula, kajian Zubairi et al. (2022) menunjukkan bahawa murid yang menggunakan teknologi lebih cenderung untuk mengekalkan motivasi mereka kerana mereka dapat belajar mengikut masa dan keselesaan sendiri. Perbezaan ini berlaku kerana bahan digital menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif, fleksibel, dan menarik. Pengulangan bacaan melalui rakaman audio atau aplikasi hafazan membantu murid memperbaiki sebutan dan tajwid secara konsisten walau pun mereka tidak bersama guru untuk merujuk sebutan yang betul. Sebaliknya, bahan rutin memerlukan usaha tambahan untuk mencapai kesan yang sama, yang mungkin tidak dapat dilakukan oleh semua murid secara berkesan.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kejayaan Pembelajaran Peribadi

Motivasi dalaman murid dan sokongan guru adalah faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran peribadi. Kajian mendapati murid yang bermotivasi tinggi cenderung menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam UTQH. Selain itu, guru yang memberi bimbingan secara konsisten dapat memastikan murid memahami elemen penting seperti tajwid dan hafazan. Sesuai dengan pandangan menurut Fakhruddin et al. (2020) menyatakan sokongan daripada ibu bapa juga memainkan peranan dengan menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif di rumah. Kajian juga mendapati murid yang mempunyai motivasi tinggi menunjukkan peningkatan ketara dalam pencapaian UTQH berbanding mereka yang kurang bermotivasi. Kajian juga mendapati murid yang tidak mendapat bimbingan daripada guru sering menghadapi kesukaran memahami elemen penilaian seperti tajwid dan kelancaran bacaan.

Keadaan ini lebih ketara dalam kalangan murid yang kurang sokongan daripada keluarga, yang menyebabkan mereka kehilangan fokus dan konsistensi dalam pembelajaran. Murid yang mempunyai motivasi tinggi menunjukkan pencapaian yang lebih baik berbanding mereka yang kurang bermotivasi. Hal ini sejajar dengan kajian oleh Fakhruddin et al. (2020) yang menyatakan bahawa motivasi dalaman adalah pemacu utama untuk meningkatkan komitmen dalam pembelajaran sendiri, terutama dalam bidang hafazan al-Quran. Sebaliknya, kajian oleh Mohd Zeki et al. (2020) mendapati murid yang kurang bimbingan daripada guru sering menghadapi kesukaran memahami elemen tajwid, menyebabkan mereka tertinggal dalam pencapaian akademik. Hasil kajian Rosli et al. (2022) juga menunjukkan bahawa murid tanpa sokongan keluarga cenderung kehilangan fokus dalam pembelajaran, kerana kekurangan sokongan luaran yang penting untuk meningkatkan keyakinan dan disiplin diri.

Hal ini berlaku kerana motivasi dalaman membantu murid kekal bersemangat walaupun menghadapi cabaran, manakala bimbingan guru memastikan pembelajaran mereka berada pada landasan yang betul. Tanpa motivasi atau sokongan guru, murid tidak tahu bagaimana untuk mengatasi kelemahan atau kekurangan dalam pembelajaran mereka. Keadaan ini menunjukkan bahawa kejayaan dalam UTQH memerlukan gabungan usaha murid dan sokongan luaran yang kukuh.

Strategi pembelajaran peribadi yang paling berkesan dalam persediaan menghadapi UTQH.

Mohd Maziz al-Hadi Moharam (2021) menyatakan strategi berulang dan berstruktur merupakan pendekatan paling berkesan untuk pembelajaran peribadi dan bersesuaian dengan kajian mendapati murid yang mengamalkan hafalan berkala dan menggunakan aplikasi hafazan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kelancaran bacaan. Guru yang memperkenalkan teknik seperti penilaian sendiri dan latihan intensif turut membantu murid memahami kelemahan mereka dan memperbaiki bacaan secara berterusan. Berbeza dengan murid yang menggunakan strategi tidak berstruktur sering menghadapi kesukaran mengingat ayat-ayat hafazan dengan betul. Sebaliknya, strategi berulang dan berstruktur membantu murid mengingat ayat dengan lebih lama dan tepat. Kajian menunjukkan bahawa murid yang mengamalkan rutin belajar harian lebih bersedia berbanding mereka yang hanya belajar secara spontan.

Murid yang menggunakan strategi tidak berstruktur menghadapi kesukaran untuk mengingat ayat-ayat hafazan dengan tepat. Menurut kajian oleh Che Wan Mohd Rozali et al. (2022), strategi berstruktur seperti hafalan berkala meningkatkan daya ingatan kerana ia melibatkan pengulangan secara konsisten. Sebaliknya, murid yang belajar secara spontan, seperti yang dibincangkan oleh Shemshack & Spector (2020), cenderung menghadapi cabaran dalam menguruskan pembelajaran mereka, yang menyebabkan keberkesanan pembelajaran berkurangan. Kajian oleh Nur Adibah Liyana & Hafizhah (2021) juga menyokong bahawa strategi terancang, termasuk penggunaan alat teknologi, membantu murid memahami dan menghafaz dengan lebih berkesan kerana ia memberi peluang kepada murid untuk belajar secara sistematik.

Perkara ini berlaku kerana strategi berstruktur memastikan murid dapat menguasai elemen penting UTQH secara sistematik. Pengulangan hafazan dan latihan berkala membantu mengukuhkan memori jangka panjang, manakala penilaian sendiri memberikan peluang kepada murid untuk menilai prestasi mereka sendiri. Ini membolehkan mereka membuat penyesuaian dalam pendekatan pembelajaran untuk mencapai hasil yang lebih baik.

KESIMPULAN

Pembelajaran Peribadi menawarkan pendekatan yang berfokus kepada keperluan bagi setiap murid khususnya dalam konteks pendidikan Islam bagi Tingkatan Empat. Melalui pendekatan ini, murid dapat memperkukuh kefahaman dan hafazan al-Quran serta Hadis dengan cara yang lebih efektif dan bermakna. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kaedah pembelajaran peribadi murid dalam persediaan

menghadapi Ujian Tilawah al-Quran, Hafazan, dan Bacaan Hadis (UTQH). Berdasarkan dapatan kajian, pelbagai kaedah pembelajaran telah dikenal pasti, termasuk penggunaan bahan rutin seperti buku teks, teknologi digital seperti aplikasi hafazan, serta bahan sampingan seperti rakaman bacaan qari terkenal. Kesemua pendekatan ini didapati memainkan peranan penting dalam meningkatkan kefahaman dan pencapaian murid terhadap elemen UTQH. Perkara ini selari dengan pendapat Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Muhammad Amirul Mohd Nor (2021) mengiktiraf kelebihan setiap murid, guru dapat menyediakan bimbingan yang lebih sesuai mengikut tahap murid dan dalam masa yang sama murid dapat belajar mengikut kadar dan gaya pembelajaran mereka sendiri.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa motivasi dalaman murid dan sokongan daripada guru merupakan faktor utama yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran peribadi. Murid yang mempunyai disiplin tinggi serta bimbingan yang konsisten menunjukkan pencapaian lebih baik dalam ujian ini. Selain itu, penilaian secara berterusan oleh guru membantu murid mengenal pasti kelemahan dan memperbaiki bacaan dan hafazan mereka. Sesuai dengan Nasrin Muhammad Ibrahim et al. (2021) menjelaskan berbekalkan kesediaan untuk menyesuaikan kaedah pengajaran dan memberi sokongan yang diperlukan untuk memastikan keberkesanan pembelajaran peribadi berpotensi tinggi untuk memajukan lagi Pendidikan Islam sekali gus, melahirkan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi juga memiliki akhlak mulia dan keimanan yang teguh.

Strategi pembelajaran yang paling berkesan ialah gabungan pendekatan tradisional dan teknologi. Penggunaan aplikasi digital seperti modul interaktif dan audio hafazan menyediakan fleksibiliti kepada murid untuk belajar mengikut kemampuan masing-masing. Sementara itu, strategi berulang seperti hafalan berkala dan latihan intensif didapati sangat berkesan dalam membantu murid menguasai elemen-elemen penting UTQH, seperti tajwid dan kelancaran bacaan. Hal ini bukan sahaja meningkatkan prestasi akademik mereka dalam UTQH namun menurut Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi dan Norhisham Mohamad (2022), juga dapat mengukuhkan penghayatan murid-murid terhadap ajaran Islam.

Kajian ini menunjukkan bahawa guru memainkan peranan penting dalam membimbing murid untuk menggunakan kaedah pembelajaran peribadi yang efektif. Guru disarankan untuk lebih kreatif dalam mengintegrasikan teknologi seperti aplikasi al-Quran dan modul digital untuk membantu murid menguasai elemen UTQH. Di samping itu, Nasrin Muhammad Ibrahim et al. (2021) dengan menyediakan latihan berstruktur dan menggunakan alat bantu mengajar yang menarik, guru dapat meningkatkan penguasaan murid terhadap tajwid, hafazan, dan bacaan hadis. Kajian ini menekankan bahawa murid perlu mengambil inisiatif untuk mengamalkan kaedah pembelajaran peribadi yang sesuai dengan keperluan mereka.

Murid digalakkan untuk memanfaatkan teknologi seperti aplikasi hafazan dan modul digital yang interaktif. Mohd Zeki et al. (2020) menyatakan pandangan mengenai penggunaan alat ini secara konsisten, murid dapat meningkatkan penguasaan elemen penting UTQH seperti kelancaran bacaan dan tajwid. Selain itu, murid juga perlu membina motivasi sendiri dan mengamalkan strategi belajar yang berstruktur. Kajian menunjukkan bahawa murid yang mempunyai disiplin tinggi dan rutin belajar harian cenderung mencapai keputusan yang lebih baik. Oleh itu, murid perlu menetapkan matlamat pembelajaran yang jelas, melaksanakan latihan berkala, dan memantau kemajuan mereka untuk memastikan persediaan yang optimum.

Kesimpulannya, kajian ini menekankan pentingnya pembelajaran peribadi yang terancang dan disokong oleh faktor dalaman dan luaran. Guru, murid, dan pihak sekolah perlu bekerjasama untuk memastikan pendekatan pembelajaran yang berkesan dapat diterapkan. Penggunaan pelbagai kaedah yang relevan dan teknologi terkini, murid dapat mempersiapkan diri dengan lebih baik untuk menghadapi UTQH, sekali gus meningkatkan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Rahim, M.M., Wan Abd Halim, W.M.H., Borham, A.H., Ismail, A. & Tengku Riduan, T.N.T. (2021). Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran dan Penguasaan Hafazan Al-Quran Pelajar Sekolah Menengah Tahfiz. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan isi-isu kontemporari* 4(1): 1–14.
- Abdullah, A.A., Ibrahim, A.A.C., Hasan, S.A. & Sabtu, M. (2021). Sistem Pembelajaran Dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Satu Kajian Di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) Dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang. *Jurnal 'Ulwan* 6(1): 80–94.
- Angela Partington Kingston. (2020). Personalised learning for the student-consumer: kajian sekatan facebook terhadap media di malaysia. *Frontiers in Education* 5(1): 1-11.
- Azarul Razamin Bin Mat Said, Dr. Mustafa Bin Che Omar, Dr. Najmiah Binti Omar & Dr. Mohd Allnurulhuda Bin Ghazali. (2023). Pengajaran al-Quran di sekolah rendah kementerian pendidikan malaysia: cabaran dan harapan. *International Journal of al-Quran and Knowledge* 3(1): 1-10.
- Elisabeth Fischer & Martin Hänze. (2019). Back from “guide on the side” to “sage on the stage”? Effects of teacher-guided and student-activating teaching methods on student learning in higher education. *International Journal of Educational Research* 95(1): 26-35.
- Fakhruddin, F.M., Ishak, S.C., Suhid, A., Fauzi, A., Ayub, M., Hassan, N.C., Mutalib, L.A., Marzuki, W. & Jaafar, W. (2020). Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di sekolah menengah agama kerajaan di malaysia 17(2): 311–340.
- Gerrit van der Waltd. (2020). Constructing conceptual frameworks in social science research. *The Journal for Transdisciplinary Research in Southern Africa* 16(1): 1-19.
- Gomez Per-Henrik, Valo Anil & Delic Maria. (2023). Memorizing the quran to improve student learning achievement. *World Psychology* 2(1): 26-37.

- Julhadi, Akhmad Sirojuddin, Syamsul Arifin, Elihami, Rokhmatin Nazilah & Al Ishlah. (2022). The creativity of the quran hadith teacher to overcome students' learning difficulties. *Jurnal Pendidikan* 14(4): 7239-7248.
- Masrurotul Mahmudah, Ikhwan Aziz, Umi Habibah, Fauzan & Hanif Amrulloh. (2020). Solution problems of islamic elementary students in memorizing the holy qur'an. *JMIE (Journal of Madrasah Ibtidaiyah Education)* 4(2): 261-271.
- Mohd Maziz, A.-H.M., Saifulazry, M. & Kasoma, T. (2021). Pendekatan Kaedah Interaktif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Abad Ke-21. *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021* (September): 79–88.
- Mohd Zeki, M.Z., Abdul Razak, A.Z. & Abd Razak, R. (2020). Cabaran Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Pendalaman: Bersediakah Dalam Melaksanakan KBAT? *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 8(1): 11–24.
- Muhammad Amirul Mohd Nor, Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi & Norhisham Mohamad. (2022). Pelaksanaan kaedah pengajaran berkesan dalam pengajaran tajwid al-Quran dalam kalangan guru kelas al-Quran dan fardu ain (kafa) di negeri kedah. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities* 5(1): 40-55.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi & Muhammad Amirul Mohd Nor. (2021). Meningkatkan kemahiran mengingat lima hukum asas tajwid dalam tilawah al-Quran. *Journal of Humanities and Social Sciences* 3(1): 23-32.
- Nasrin Muhammadu Ibrahim, Ahmed Sarjoon Razick, Iqbal Saujan & Samila Begum Mohomed Sali. (2021). Factors that present obstacles to the learning of quran: a study based on polonnaruwa district in sri lanka. *Research on Humanities and Social Sciences* 11(13): 38-43.
- Nur Adibah Liyana, A. & Hafizhah, Z. (2021). Amalan kreativiti guru pendidikan islam dalam pembelajaran abad ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4(1): 40–54.
- Nurwardatun Mohamed Razali, Maisarah Saidin, Rosilawati Ramlan, Farah Umaina & Najwa Ismail. (2023). Kesan warna merah kepada proses pembelajaran ilmu tajwid dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan harian (the effect of red colour in the process of learning tajwid among national secondary school students). *JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 7(9): 12-21.
- Rijaluddin bin Yahya, Muhammad Tajuddin bin Jamaluddin, Rabiatal Adawiah binti Che Ramli & Nur Haslina binti Adam. (2019). *Buku Teks Pendidikan Islam Tingkatan 4 Kurikulum Standard Sekolah Menengah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosli, S., Mahmud, S.F. & Azni, M.E. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu (Integrating the National Education Philosophy (Falsafah Pendidikan Kebangsaan-FPK) in Developing Integrated Human Capital). *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 86–103.
- Shemshack, A. & Spector, J.M. (2020). A systematic literature review of personalized learning terms. *Smart Learning Environments* 7(1): 67-80.
- Sukor Beram, Marinah Awang & Ramlee Ismail. (2020). Pembangunan Model Kompetensi Pemimpin Pertengahan : Satu Kajian Reka Bentuk dan Pembangunan. *Journal of Educational Research &*

Indegenous Studies Journal 2(1): 1–11.

Yasser El Geddawy, Fernando A. Mikic-Fonte, Martín Llamas-Nistal & Manuel Caeiro-Rodríguez. (2022). Introducing personal teaching environment for nontraditional teaching methods. *Applied Sciences (Switzerland)* 12(15): 2-26.

Kementerian Pendidikan Malaysia, *Buku Format Pentaksiran Sijil Pelajaran Malaysia Mulai 2021*.

Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. *Surat Siaran Lembaga Peperiksaan Bil.4 Format Instrumen Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Ujian Capaian Bahasa Antarabangsa (UPBA) Mulai Tahun 2021 Bagi Matapelajaran Akademik Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)*.

Lembaga Peperiksaan Kementerian Pendidikan Malaysia. *Manual Pengoperasian Pentaksiran Pusat Matapelajaran 1223/2 Pendidikan Islam, 2361/2 Bahasa Arab dan 5227/2 Pendidikan al-Quran dan Al-Sunnah*.